

Pahang terajui pembangunan tanaman sorghum

Ampang: Pahang muncul negeri terawal di Malaysia menerajui pembangunan tanaman sorghum atau betari, satu daripada tanaman bijirin utama dunia secara komersial.

Sebuah ladang penanaman dan kilang pemprosesan sorghum akan dibangunkan di Pekan secara usahasama antara AG Cahaya Venture Sdn Bhd dengan syarikat dari Jepun, Sorghum Earth Create Sdn Bhd.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Pahang, Datuk Mohamad Nizar Najib berkata, projek bernilai RM100 juta itu dibangunkan di kawa-



MOHAMAD Nizar (tengah) menyaksikan pertukaran memorandum d i antara Dr Abd Halim (dua dari kanan), dan Tadao (dua dari kiri) ketika Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOU) di De Palma Hotel, Ampang. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

san seluas 607 hektar secara berperingkat, berteknologi tinggi dan lestari.

“Keupayaan sorghum menghasilkan tuaian tiga

kali setahun daripada satu pokok menunjukkan potensi produktiviti signifikan.

“Daripada segi produktiviti, anggaran hasil tua-

ian adalah sebanyak 14.7 tan matrik per hektar sebulan, manakala pengeluaran sekitar 10.29 matrik per hektar sebulan.

“Prestasi ini dijangka memberi impak positif kepada ekonomi negeri terutama dalam sektor agromakanan,” katanya pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOA) antara AG Cahaya Venture Sdn Bhd dan Sorghum Earth Create Sdn Bhd di sebuah hotel di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Eksekutif AG Cahaya Venture, Datuk Dr Abd Halim Mohd Hussin dan Pengarah Eksekutif Sorghum Earth Create Sdn Bhd, Tadao Kido.

Mengulas lanjut, Mohamad Nizar berkata, dalam fasa pertama sahaja, lebih 100 peluang pekerjaan di-

jangka diwujudkan terutama di kawasan Kampung Baru Sungai Niang dan Kampung Cenderawasih merangkumi sektor peladangan dan juga pemprosesan kilang.

“Syarikat AG Cahaya Venture juga menjalin kerjasama strategik dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam kajian dan pembangunan (R&D) bagi penghasilan benih berkualiti tinggi, sekali gus memastikan projek ini berdaya saing dalam jangka masa panjang.

“Sebahagian hasil akan dieksport ke Jepun, manakala selebihnya memenuhi keperluan pasaran domestik,” katanya.